

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 31/5/2012
Hari: Khamis MS: 2
Ruangan: Kluang

PERKEMBANGAN Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) negara ini semakin membarangsangkan selepas kerajaan mengambil inisiatif menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada 1 Ogos 1996.

Projek MSC ini diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu Perdana Menteri pada majlis perasmian Persidangan Multimedia Asia.

Pengumuman itu memajukan Malaysia menuju ke arah dunia multimedia dan mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran dunia ICT.

Selaras dengan perkembangan ICT, banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) di negara ini cuba memenuhi kehendak masyarakat yang berminat untuk menguasai pengajian dalam bidang multimedia atau ICT.

Tidak hairan jika program pengajian yang berasaskan ICT semakin banyak ditawarkan untuk pelajar mendalami teknologi global ini.

Dalam konteks pengajian tinggi di Malaysia, penawaran subjek ICT di institusi pengajian tinggi (IPT) sememangnya disokong penuh oleh masyarakat dalam memenuhi hasrat Kerajaan untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

Malah dalam Teras Pertama daripada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) - Bab 5 menyatakan bahawa teknologi maklumat dan komunikasi ini adalah satu industri penting dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Ini berikutan pertumbuhan sektor ICT yang pesat dan peranannya merangsangkan perkembangan industri lain di negara ini.

Pembangunan sektor ICT dalam merapatkan jurang digital akan diterajui oleh Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Pelajaran.

PENDIDIKAN ICT

Dengan perkembangan dunia ICT yang membarangsangkan, IPTA dan IPTS berlumba-lumba menyediakan program pengajian berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi untuk masyarakat.

Perkembangan ini dilihat amat positif kerana sebagai sebuah negara membangun, Malaysia memerlukan tenaga pakar dalam bidang ICT untuk memastikan mampu bersaing dengan negara lain, seterusnya mencapai status negara maju.

Umumnya, pengajian ICT yang ditawarkan oleh IPT di Malaysia diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk melahirkan graduan yang kompeten.

Bagi IPTA, hampir semua universiti menawarkan pengajian dalam bidang ICT merangkumi pengajian diploma, ijazah pertama mahupun pascasiswazah.

Ini menunjukkan kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi komited memajukan sektor industri berasaskan ICT dengan melahirkan graduan berkemahiran tinggi dalam bidang ini.

Bukan itu sahaja, bagi pelajar yang berminat mendalami bidang ICT, tetapi tidak berjaya ke IPTA, mereka berpeluang berbuat demikian dengan memilih untuk melanjutkan



Menjengah dunia ICT Malaysia

Persiapkan negara hadapi cabaran dunia teknologi maklumat dan komunikasi

INFO ICT IPTA

Antara institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan pengajian ICT ialah:

UNIVERSITI PENELITIAN

Universiti Malaysia - Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Sains Malaysia - Pusat Pengajian Sains Komputer
Universiti Kebangsaan Malaysia - Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Putra Malaysia - Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Teknologi Malaysia - Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat

UNIVERSITI KOMPREHENSIF

Universiti Teknologi Mara - Fakulti Sains Komputer dan Matematik
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia - Kolej Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sabah - Sekolah Sains Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaysia Sarawak - Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

UNIVERSITI BERFOKUS

Universiti Utara Malaysia - Kolej Sistem dan Sains
Universiti Perguruan Sultan Idris - Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia - Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Teknikal Malaysia Melaka - Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Universiti Malaysia Perlis - Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan
Universiti Malaysia Terengganu - Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Malaysia Pahang - Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian
Universiti Sultan Zainal Abidin - Fakulti Informatik
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia - Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan

jumlah pengajian di IPTS.

Bagi lepasan sekolah, mereka tidak perlu bimbang kerana di Malaysia banyak IPTS berprestij menawarkan pengajian dalam bidang ICT. Bahkan hasil usaha sama kebanyakan IPTS ini membuatkan kelayakan yang diperolehi diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Umumnya, pengajian ICT di negara ini mengambil tempoh selama tiga tahun untuk program diploma, manakala pemegang diploma yang mengambil ijazah selama dua tahun.

Nazrin bagi mereka yang mem-

punyai kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), untuk pengajian peringkat ijazah sarjana muda mengambil tempoh tiga hingga empat tahun dan dua tahun untuk program ijazah sarjana.

Melihat kepada perkembangan ICT, ia semakin banyak mempengaruhi kehidupan harian. Kini sukar untuk membayangkan dunia tanpa teknologi maklumat, malah pertambahan syarikat multinasional dan syarikat berstatus MSC dan permintaan terhadap siswazah berkemahiran tinggi dalam ICT semakin meningkat.

Jadi persepsi masyarakat bahawa peluang kerja dalam bidang ICT agak rendah terutamanya di negara membangun seperti Malaysia adalah salah sama sekali.

Tanggapan ini perlu diubah dalam usaha untuk bersaing dengan negara maju dunia mencapai kemajuan dalam teknologi maklumat yang semakin berkembang.

Penggunaan komputer terutamanya di rumah juga semakin bertambah. Ini terbukti apabila lahirnya banyak syarikat yang menawarkan perkhidmatan internet untuk pengguna di rumah dan juga organisasi serta syarikat.

PELUANG KERJAYA

ICT dilihat mampu menyumbang peluang kerjaya kepada masyarakat khususnya graduan yang baru menamatkan pengajian. Dalam konteks kerjaya di dunia ICT, secara amnya mampu memberi peluang kepada rakyat untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup.

Di Malaysia, peluang kerjaya dalam dunia ICT sangat luas, sekali gus membantu memperkasakan ekonomi rakyat dan mengurangkan kadar kemiskinan.

Ia bukan sahaja tertakluk kepada prospek kerjaya berdasarkan ICT, malah turut menyumbang sebagai platform baru kepada peniaga. Sebagai contoh, peniaga boleh memasarkan produk atau barangan jualan mereka melalui penggunaan platform e-Dagang.

Malah, mereka yang hendak memulakan perniagaan juga boleh

menjadikan kemudahan ICT sebagai pelaris produk dan membantu mereka mencari pasaran dengan mempromosikan produk di web, blog dan sebagainya.

Dalam dunia korporat pula, terdapat ribuan syarikat berasaskan ICT di Malaysia dan 200 daripadanya mendapat status MSC. Status ini diberikan kepada syarikat ICT yang stabil dan bersaiz besar, di mana ia memiliki prestasi baik melebihi piawaian ditetapkan Kerajaan.

Antara jawatan yang boleh dipohon dalam bidang ICT ialah:

- Pemaju Aplikasi
- Saintis Komputer
- Pemaju Pangkalan Data dan Pentadbir
- Pemaju Grafik dan Multimedia
- Pengaturcaraan
- Pemaju Perisian
- Jurutera Perisian
- Pentadbir Sistem
- Penganalisis Sistem
- Pengintegrasian Sistem
- Jurutera Pembangunan Web

Justeru, graduan baru dan mereka yang masih mencari-cari hala tuju dalam bidang ini tidak perlu ralat kerana peluang untuk mendapat kerjaya yang bersesuaian adalah tinggi memandangkan Malaysia sedang menuju ke status negara maju.

Malah, Kerajaan turut memainkan peranan dalam memajukan lagi industri berasaskan ICT untuk bersaing dengan negara maju yang lain, sekali gus mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.